

12/09/2003

Malaysia akan haram Business Week

KUALA LUMPUR: Pelbagai pihak termasuk pemimpin politik menyifatkan majalah Business Week bersikap kurang ajar terhadap pemimpin tertinggi negara ini dan mahukan majalah asing itu diharamkan di Malaysia.

Mereka juga menyifatkan majalah itu bersikap kebudak-budakkan serta tidak beretika apabila menggugat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hanya disebabkan Perdana Menteri enggan memberi temubual dengan wartawannya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung, berkata kerajaan akan mengharamkan pengedaran Business Week jika didapati ada agenda untuk mensabotaj negara dan pemimpinnya.

Menjawab pertanyaan kemungkinan laporan polis akan dibuat ke atas majalah berkenaan selepas menghadiri perhimpunan bulanan kementerianya di Putrajaya, beliau berkata perkara itu akan diteliti terlebih dulu dan keputusan akan dibuat dalam tempoh terdekat.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata tindakan majalah itu adalah satu perbuatan yang tidak beretika dan tidak menghormati kepemimpinan negara ini.

"Dr Mahathir adalah seorang pemimpin yang tidak akan tunduk kepada ugutan terutama daripada media asing," katanya di Kuala Lumpur, semalam.

Kelmarin, Dr Mahathir berkata beliau diugut majalah Business Week yang mengancam untuk menulis laporan memburuk-burukkan Malaysia dan kepemimpinannya selepas beliau enggan ditemubual majalah itu.

Perdana Menteri menerima ugutan itu menerusi surat bertarikh 8 September lalu setelah beliau enggan membenarkan majalah yang berpejabat di New York itu berbuat demikian. Surat itu dihantar majalah berkenaan menerusi Ketua Biro Business Week yang berpejabat di Singapura, Michael Shari.

Shari bagaimanapun tidak dapat dihubungi untuk ulasan lanjut serta tidak memberi reaksi melalui sistem pesanan pada telefon pejabatnya.

Di SEREMBAN, Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein menyifatkan Business Week bersikap kurang ajar terhadap pemimpin tertinggi negara ini, malah cuba menunjukkan keangkuhan di luar batasan dan profesionalisme.

Beliau berkata pihak Barat sentiasa melaungkan kebebasan media, sebaliknya mereka sendiri tidak mengamalkan kebebasan dan hak individu dengan menunjukkan keangkuhan," katanya.

Di SHAH ALAM, Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin, berkata kerajaan tidak gusar dengan ugutan Business Week yang sengaja mahu memburuk-burukkan kepemimpinan dan imej Dr Mahathir kerana majalah asing itu kini sudah hilang kredibilitinya.

"Tindakan majalah itu hanya disebabkan Perdana Menteri menolak untuk ditemubual menunjukkan mereka berasakan media Barat boleh berbuat apa saja terhadap pemimpin negara Asia," katanya.

Di KUANTAN: Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob membidas majalah Business Week yang bersifat kebudak-budakkan, dengan menggugat Dr Mahathir hanya disebabkan Perdana Menteri enggan memberi temubual dengan wartawannya.

Beliau berkata, majalah itu ternyata tidak matang, sedangkan mereka sering melaungkan wartawan dan media asing mempunyai profesionalisme kewartawanan.

Timbalan Pengerusi DAP, Karpal Singh, pula berkata Dr Mahathir tidak seharusnya takut untuk menjawab segala tuduhan berkaitan budaya kronisme dan rasuah di Malaysia.

Bagaimanapun katanya, adalah salah bagi Business Week untuk menggugat Perdana Menteri.

Business Week yang beribu pejabat di New York diterbitkan syarikat The McGraw-Hill dan turut memiliki firma penarafan Standard and Poor's.